



**KENYATAAN MEDIA**  
**PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR**

---

**MAKLUM BALAS LAPORAN AKHBAR BERKAITAN**  
**“TANAH KELUARGA PELAKON DIPINDAH MILIK**  
**PTG SELANGOR TANPA PENGETAHUAN”**

Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS) ingin memberikan maklum balas ke atas isu yang berbangkit susulan satu aduan melalui ciapan di Laman X kepada YAB Dato' Menteri Besar berikutan satu kes berhubung masalah pertindihan plot ke atas pemberimilikan tanah.

Hasil siasatan yang diterima melalui Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat (PDTHL) yang mentadbir kawasan pentadbiran tanah Daerah Hulu Langat, PTGS mendapati bahawa berlaku kesilapan teknikal semasa proses membuat charting secara manual ke dalam lembar lito (*litho sheet*) di Unit Teknikal PDTHL, berikutan terdapat dua (2) permohonan pemberimilikan secara berkelompok yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) di kawasan yang sama pada tahun 1978 dan tahun 1995. Ini seterusnya mengakibatkan pengeluaran dua hakmilik atas satu plot tanah yang sama sebagaimana yang dibangkitkan oleh pengadu.

Hasil siasatan PDTHL juga telah berjaya mengenalpasti satu plot tanah yang berhampiran bagi menggantikan tanah yang bertindih tersebut. Bagi maksud ini, PDTHL juga akan memanggil pemilik tanah terbabit untuk memberikan penerangan mengenai proses penggantian plot tanah tersebut.

Sukacita dimaklumkan bahawa mulai 26 Oktober 2023, semua Pejabat Tanah & Daerah di Negeri Selangor telah mengguna pakai sistem e-Tanah yang merupakan adaptasi sistem pentadbiran tanah secara elektronik. Melalui sistem ini, isu-isu seperti pertindihan lot dan pengeluaran hakmilik atas lot yang sama boleh dielakkan sama sekali di masa-masa akan datang.

PTGS juga ingin menasihati pemilik-pemilik tanah supaya sentiasa mengemaskini maklumat berkaitan tanah seperti pertukaran alamat terkini dan membuat carian persendirian untuk menyemak urusan-urusan yang berlaku dalam hakmilik tanah.

Pemilik-pemilik tanah juga dinasihatkan tidak membiarkan tanah tanpa apa pembangunan kerana mana-mana tanah kategori “bangunan” disyaratkan untuk mendirikan apa-apa binaan dalam tempoh dua tahun lepas hakmilik didaftarkan (Seksyen 116(1) Kanun Tanah Negara).

Sekiranya perkara ini tidak dipatuhi, Pejabat Daerah dan Tanah boleh mengeluarkan notis untuk mengenakan denda atau lucuthak kepada mana-mana pemilik tanah yang berkenaan.

**PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR**  
**9 MEI 2024**